

TARIKH	19 / 09 / 2016	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	10	RUANGAN	

BELUM PULANG SUDAH RINDU

Kumpulan jemaah haji pertama Malaysia selamat tiba di KLIA

JEMA'AH haji melepaskan kerinduan bersama ahli keluarga di KLIA.

KLIA WELCOME HOME ABAH & MAK HAJI ZAINAL HAJJAH ZAIRON

Siti Aisyah Sukaimi sitiasyah@metro.com.my

Selangor

"Baru sahaja keluar dari Makkah dan belum lagi menaiki pesawat, sudah terasa kerinduan untuk menjejakan kaki sekali lagi ke sana," kata Dr Muhammad Syafiq Mohammad Isa, 27, seorang daripada 442 jemaah haji yang selamat pulang ke ta-

BADLISSYAH bersalaman dengan jemaah haji kumpulan pertama yang tiba di KLIA.

nah air menerusi penerbangan pertama KT02 semalam. Bapa kepada dua anak berusia tiga tahun dan tiga bulan itu bersama isteri, Dr Hanisah Jeffrey, 26, antara jemaah haji muda tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 11.21 pagi dengan pesawat Saudi Arabia SV5644.

Menceritakan mengenai pengalamannya di Tanah Suci, Dr Muhammad Syafiq yang bertugas di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang berkata, dia bersyukur dan gembira kerana dapat menunaikan ibadah dengan lancar biarpun sedia maklum dengan cabaran dihadapi di sana.

"Alhamdulillah, ini rezeki daripada Allah yang menjemput kami sebagai tetamu sekali gus dapat menjalani ibadah dalam usia muda dan masih sihat tubuh badan.

"Ini kali pertama saya ke Tanah Suci dan sebenarnya isteri mencerina panggilan menunaikan haji manakala, saya mengikutinya sebagai mahram dan sudah tentu ini rezeki kepada kami," katanya ketika ditemui pemberita di KLIA di sini, semalam.

Keibaan jemaah haji terbahari turut disambut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Badliyyah Abdul Ghani serta ahli keluarga masing-masing. Pada masa sama, Dr Muhammad Syafiq berkata, walaupun dapat menunaikan haji pada usia muda, itu bukan bermaksud dia memotong giliran kerana mereka melakukan pendaftaran mengikut saluran yang betul dengan TH.

"Dapat peluang menu-

Metro TV MALAYSIA Untuk video live www.metro.com.my/mymetrotv

TARIKH	19 / 09 / 2016	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	11	RUANGAN	



SEBAGIAN daripada 442 jemaah haji yang tiba di KLIA, semalam.

ilmu serta kewangan kerana kita tidak tahu rezeki dipanggil ke sana," katanya. Suri rumah, Roziah Abdul Malik, 53, berkata, kali pertama melihat Kaabah, dia berasa takjub malah, berharap dapat kembali menjejakan kaki ke Makkah.

"Alhamdulillah, saya dan suami Yaakub Awang Dolah, 56, dapat menunaikan ibadah di sana dengan lancar walaupun keadaan cuaca panas kering terutama di Mina dan Muzdalifah," katanya. Jemaah haji, Membunga Daud, 86, berkata, walaupun perlu menggunakan kerusi roda kerana sakit lutut, ia tidak menghalanginya untuk melakukan ibadah di Tanah Suci.

"Ini kali kedua saya menunaikan haji dan kali pertama kira-kira 30 tahun dahulu di bawah pengurusan syarikat swasta dan ketika itu, saya masih sihat dan boleh berjalan.

"Kali ini saya menunaikan haji dengan anak serta cucu dan bersyukur dapat menjalani ibadah tanpa sebarang masalah," katanya.

Sementara itu, Badlisyah berkata, operasi haji pada tahun ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah dan pihaknya memuji serta berterima kasih kepada kerajaan Arab Saudi kerana berusaha memastikan keselamatan jemaah haji di sana.

"Pada tahun ini, seramai 12 jemaah haji warga negara ini meninggal dunia dengan seorang di tanah air manakala, 11 lagi di Tanah Suci malah, badal haji turut dilakukannya kepada sembilan orang yang meninggal dunia sebelum wukuf," katanya.

nalkan haji ini sebenarnya rezeki daripada Allah yang 'menjemput' kita sebagai tetamu untuk melakukan ibadah di Tanah Suci.

"Ada juga dalam kalangan jemaah haji yang saya temui di sana mengatakan, mereka menerima surat tawaran daripada TH pada saat akhir.

"Justeru, bagi mereka yang sudah berdaftar untuk menunaikan haji seharusnya mempersiapkan diri dengan



BADLISYAH (tiba dari kiri) semasa menyambut sebahagian jemaah haji.

